



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

---

NAMA KURSUS : PRINSIP EKONOMI  
KOD KURSUS : DPI 2093  
PEPERIKSAAN : OKTOBER 2017  
MASA : 3 JAM

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian:  
BAHAGIAN A (20 Markah)  
BAHAGIAN B (40 Markah)  
BAHAGIAN C (40 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperoleh untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Kertas Graf
  - iii. Kertas Jawapan Objektif
  - iv. Buku Jawapan

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

---

*KERTAS SOALANINI MENGANDUNG 13 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*

---




**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH (20)** soalan.

Jawab **SEMUA** di dalam Kertas Jawapan Objektif.

1. Ketidakseimbangan antara kehendak manusia dengan sumber ekonomi yang sedia ada menyebabkan
  - A kos lepas yang semakin meningkat.
  - B kekurangan sumber ekonomi yang sedia ada.
  - C agihan pendapatan yang semakin tidak setara.
  - D kewujudan kos lepas apabila pilihan perlu dibuat.
  
2. Barang percuma merupakan barang yang
  - A tidak berharga.
  - B tiada kos lepas.
  - C diberi secara percuma.
  - D terhad pengeluarannya.
  
3. Rajah 1 di bawah menunjukkan Keluk Kemungkinan Pengeluaran PQRST bagi sesebuah negara.



Kos lepas pergerakan dari titik R ke S ke T ialah

- A sifar.
- B sama.
- C bertambah.
- D berkurang.


4. "Keagungan pengguna" bermakna

- A keupayaan pengguna untuk membeli kuantiti barang dan perkhidmatan yang dikehendaki.
- B keupayaan pengguna untuk menentukan harga dan perkhidmatan yang dikeluarkan.
- C keupayaan pengguna mempengaruhi apa dan berapa banyak barang yang harus dikeluarkan.
- D keupayaan pengeluar menentukan kaedah pengeluaran yang memaksimumkan keuntungan.

5. Jika nilai keanjalan permintaan harga suatu barang ialah sifar, ini bermakna pengguna

- A tetap membeli barang itu walaupun harga barang naik.
- B tidak membeli barang itu walaupun harga barang itu naik sedikit.
- C menambahkan kuantiti yang dibeli apabila harga barang itu menurun.
- D tidak mengurangkan kuantiti yang dibeli walaupun harga barang itu naik.

6. Rajah 2 di bawah menunjukkan keluk permintaan sesuatu barang.



Berdasarkan rajah di atas, bagaimakah keadaan keanjalan permintaan sesuatu barang itu?

- A Anjal.
- B Anjal satu.
- C Anjal sempurna.
- D Anjal tidak sempurna.

7. Antara berikut, yang manakah **tidak** mengalihkan keluk permintaan sesuatu barang?

- A Harga barang tersebut meningkat.
- B Kerajaan mengurangkan pemberian subsidi.
- C Harga barang penggantinya semakin murah.
- D Citarasa pengguna yang tidak menyukai barang tersebut.

8. Jadual 1 yang berikut menunjukkan kuantiti diminta dan kuantiti ditawar bagi suatu barang pada pelbagai tingkat harga.

Harga (RM)	Kuantiti diminta (unit)	Kuantiti ditawar (unit)
20	1000	350
30	800	480
40	600	600
50	550	790
60	420	880
70	300	1200

Jadual 1

Apakah yang akan berlaku apabila kerajaan menetapkan harga RM 60 sebagai harga maksimum?


- A Lebihan permintaan sebanyak 460 unit
- B Lebihan penawaran sebanyak 460 unit
- C Lebihan permintaan dan harga akan naik
- D Lebihan penawaran dan harga akan naik

9. Keluk penawaran mencerun ke atas dari kiri ke kanan kerana

- A kesan penggantian dan pendapatan.
- B hukum utiliti sut yang semakin berkurang.
- C untung yang lebih tinggi menyebabkan harga semakin meningkat.
- D insentif untung yang lebih tinggi mendorong pengeluar menambahkan pengeluaran.

10. Peningkatan permintaan terhadap ayam menjelang musim perayaan akan menyebabkan
- penurunan harga dan kuantiti ayam.
  - peningkatan harga dan kuantiti ayam.
  - penurunan harga dan peningkatan kuantiti ayam.
  - peningkatan harga dan penurunan kuantiti ayam.

11. Rajah 3 di bawah menunjukkan  $D_0$  ialah keluk permintaan dan  $S_0$  ialah keluk penawaran suatu barang.



Antara berikut, yang manakah adalah **benar** jika harga lebih rendah dari RM5?

- Harga tidak stabil, permintaan melebihi penawaran.
  - Harga tidak stabil, penawaran melebihi permintaan.
  - Harga stabil, tetapi permintaan melebihi penawaran.
  - Harga stabil, tetapi penawaran melebihi permintaan.
12. Nilai tambah bermaksud
- tambahan nilai terhadap sesuatu keluaran akibat inflasi.
  - perubahan nilai sesuatu barang akibat proses pengeluaran.
  - tambahan pendapatan pemilik faktor dalam proses pengeluaran.
  - nilai keluaran yang tidak dihitung untuk mengelakkan pengiraan dua kali.

13. Melalui kaedah perbelanjaan, nilai Keluaran Negara yang diperolehi ialah
- Keluaran Negara Kasar pada kos faktor.
  - Keluaran Negara Bersih pada kos faktor.
  - Keluaran Dalam Negara Kasar pada kos faktor.
  - Keluaran Dalam Negara Kasar pada harga pasaran.

14. Bank perdagangan menjalankan fungsi berikut, **kecuali**

- A mengeluarkan duit syiling.
- B memberi pinjaman kepada orang ramai.
- C memberi pinjaman kepada pihak kerajaan.
- D mempengaruhi penawaran wang dalam ekonomi.

15. Nilai wang bermaksud

- A kuasa beli sesuatu mata wang di negara asing.
- B nilai wang yang tertera atas duit syiling dan wang kertas.
- C jumlah barang yang dapat dibeli dengan sejumlah wang tertentu.
- D nilai logam yang digunakan untuk mengeluarkan wang tersebut.

16. Apakah faktor-faktor kewujudan perdagangan antarabangsa?

- A Tanah yang sama.
- B Iklim yang berbeza.
- C Permintaan barang yang tinggi.
- D Bilangan penduduk yang sedikit.

17. Jadual 2 di bawah menunjukkan data pendapatan negara sebuah negara pada suatu tahun tertentu.

<b>Butir</b>	<b>RM (Juta)</b>
Pendapatan faktor bersih dari luar negeri	5000
Susut nilai	15 000
Cukai persendirian	30 000
Cukai tak langsung	25 000
Subsidi	10 000
Keluaran Negara Kasar pada harga pasaran	85 000

Jadual 2

Berapakah nilai Keluaran Negara Bersih pada kos faktor?

- A RM45 000 juta
- B RM65 000 juta
- C RM75 000 juta
- D RM105 000 juta

18. Maksud tariff ialah
- A lesen mengimport.
  - B had ke atas kuantiti yang diimport.
  - C cukai yang dikenakan ke atas barang import.
  - D kawalan matawang asing yang dibeli oleh pengimport.
19. Antara berikut, yang manakah **bukan** tujuan kerajaan menjalankan dasar perlindungan?
- A mengelakkan lambakan.
  - B meningkatkan taraf kemakmuran.
  - C mengatasi masalah pengangguran.
  - D membaiki kedudukan imbangan pembayaran.
20. Semua butiran berikut akan menyekat perdagangan bebas, **kecuali**
- A kuota.
  - B devaluasi.
  - C peraturan kesihatan.
  - D kawalan pertukaran asing.

[20 MARKAH]

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan.

Jawab **SEMUA** soalan. Jawab di dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

Jadual 3 di bawah menunjukkan Harga Barang A dan kuantiti permintaan Barang X, Barang Y dan Barang Z.

Harga Barang X (RM/kg)	Kuantiti permintaan		
	Barang X (kg)	Barang Y (kg)	Barang Z (kg)
2.00	40	25	20
4.00	36	30	20
6.00	32	36	20
8.00	28	41	20

Jadual 3

Berdasarkan jadual 3 di atas:

- Kirakan keanjalan permintaan harga untuk Barang X apabila Barang X meningkat dari RM2.00 ke RM6.00.  
(2 markah)
- Berdasarkan di (a), apakah jenis keanjalan barang X.  
(1 markah)
- Kirakan keanjalan permintaan silang antara Barang X dan Barang Y apabila harga Barang X jatuh dari RM8.00 ke RM4.00.  
(2 markah)
- Berdasarkan jawapan di (b), apakah jenis hubungan antara Barang X dan Barang Y? Kenapa?  
(2markah)
- Kirakan keanjalan permintaan silang antara Barang X dan Barang Z apabila harga Barang X jatuh dari RM4.00 ke RM2.00.  
(2 markah)
- Berdasarkan jawapan di (d), apakah hubungan antara Barang X dan Barang Z.  
(1 markah)

**SOALAN 3**

Jadual 5 di bawah menunjukkan data pendapatan negara bagi sebuah negara.

Butiran	RM juta
Eksport	1500
Perbelanjaan kerajaan	4700
Perbelanjaan penggunaan isi rumah	5500
Pelaburan swasta	2000
Import	3200
Cukai keuntungan syarikat	400
Bunga ke atas pinjaman pengguna	210
Bayaran pindahan	980
Kenaikan dalam stok	230
Bunga ke atas pinjaman kerajaan	410
Caruman kepada KWSP	1150
Susutnilai	370
Insurans	650
Subsidi	760
Pendapatan faktor bersih dari luar negara	-1200
Gaji dan upah	420
Caruman PERKESO	310
Cukai tak langsung	210
Cukai pendapatan individu	430

Jadual 5

Berdasarkan jadual di atas, hitungkan;

- Keluaran Dalam Negara Kasar pada harga pasar ( $KDNK_{hp}$ )  
(2 markah)
- Keluaran Negara Kasar pada kos faktor ( $KNK_{kf}$ )  
(2 markah)
- Keluaran Negara Bersih  
(2 markah)
- Pendapatan persendirian  
(2 markah)
- Pendapatan boleh guna  
(2 markah)

**SOALAN 4**

Data kewangan Negara JKK adalah diberi seperti berikut (dalam RM juta):

Butiran	RM (Juta)
Wang kertas	251
Deposit tetap dan simpanan di bank perdagangan	311
Sijil-sijil Bank Negara Malaysia	45
Sijil Deposit bolehniaga	854
Deposit tetap dan simpanan di bank saudagar	211
Deposit tetap di Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)	72
Deposit semasa	88

Jadual 6

- a. Jika wang fiat ialah RM 322 juta, berapakah nilai wang syiling?

(2 markah)

- b. Kirakan:

i. M1

(2 markah)

ii. M2

(2 markah)

iii. M3

(2 markah)

- c. Kirakan "wang hampir" (wang kuasi).

(2 markah)

**[40 MARKAH]**

**BAHAGIAN C**

Bahagian ini mengandungi **EMPAT(4)** soalan. Jawab **DUA (2)** soalan sahaja.  
Jawab di dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1 (20 MARKAH)**

- a. Apakah yang dimaksudkan dengan barang percuma?  
(2 markah)
- b. Nyatakan **empat (4)** jenis barang yang wujud di dalam ekonomi.  
(4 markah)
- c. Dengan bantuan gambarajah, terangkan konsep kekurangan, kos lepas dan pilihan.  
(8 markah)
- d. Jelaskan tentang ekonomi campuran.  
(6 markah)

**SOALAN 2 (20 MARKAH)**

- a. Berpandukan gambarajah, apakah yang dimaksudkan dengan permintaan dan keluk permintaan.  
(4 markah)
- b. Dengan bantuan gambarajah,uraikan bagaimana perubahan berikut mempengaruhi keluk permintaan Vico.  
(6 markah)
  - i. Kenaikan harga Vico.
  - ii. Penurunan harga Milo.
- c. Bezakan antara keluk permintaan anjal sempurna dan tidak anjal sempurna.  
(4 markah)
- d. Berpandukan rajah, terangkan faktor-faktor yang mempengaruhi peralihan keluk penawaran.  
(6 markah)

**SOALAN 3 (20 MARKAH)**

- a. Berdasarkan gambarajah, Apakah yang dimaksudkan dengan lebihan penawaran?  
(3 markah)
- b. Huraikan **TIGA (3)** masalah pengiraan pendapatan negara.  
(6 markah)
- c. Senaraikan **TIGA (3)** kaedah pengiraan pendapatan negara.  
(3 markah)
- d. Jelaskan kesan keluk penawaran, beban kepada pengguna dan pengeluar apabila kerajaan mengenakan cukai kepada barang-barang dan perkhidmatan.  
(8 markah)

**SOALAN 4 (20 MARKAH)**

- a. Apakah maksud duit syiling dan wang kertas?  
(4 markah)
- b. Jelaskan **TIGA (3)** fungsi-fungsi bank perdagangan?  
(6 markah)
- c. Apakah tujuan permintaan wang?  
(3 markah)
- d. Huraikan perbezaan antara perdagangan antarabangsa dan perniagaan domestik.  
(7 markah)

**[40 MARKAH]**

